

## **Family Variables and Self Concept Variables (Part 8)**

Siti Sarawati Binti Johar

### **3.5 Teori Penjenisan Hans J.Eysenck (1947)**

- Personaliti merupakan ciri-ciri dalaman seseorang yang boleh menentukan sikap dan tingkah laku seseorang individu. Dalam teori ini, dijelaskan bahawa trait personaliti yang sekaligus memaparkan konsep kendiri individu adalah ditentukan oleh faktor keturunan.
- Beliau mengemukakan 2 corak personaliti iaitu Ekstroversi dan Neurotisme pada tahun 1947. Pada tahun 1952 pula, beliau menambah ciri yang ketiga iaitu Psikotisme. Ketiga-tiga ini adalah relevan untuk mewakili personaliti manusia.
- Individu boleh wujud sebagai kombinasi tinggi atau rendah untuk 2 dimensi personaliti, sama ada boleh wujud dalam kombinasi mana-mana dimensi.
- Ekstrovert adalah seseorang yang suka bersosial, ramai kawan, tidak belajar keseorangan, aktif dan berketrampilan. Mereka turut gemarkan keseronokan dan peka pada persekitaran.
- Introvert pula adalah seseorang yang agak pendiam, berhati-hati, cermat, suka menjauhkan diri dari sosial, sering menilai diri, tidak begitu sukakan keseronokan, boleh mengawal perasaan dan agak cemas.
- Neurotisme adalah mereka yang sering bimbang serta tertekan kerana beremosi, manakala psikotisme pula merupakan orang yang bermasalah agak serius,wujud gangguan pada personaliti, serta amat memerlukan rawatan mental yang rapi.

CONTINUE...